

► Karnival Sukan Antara Kolej Kediaman UMS 2015

UMSKAL beraksi cemerlang

UB 30.9.2015 A15

Oleh HENRY BATING

LABUAN: Jacklinda N. Junius menjadi ratu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) apabila berjaya menyumbang dua emas dalam acara padang meletakkan kontinjen itu di tempat keempat daripada sembilan kontinjen yang bersaing merebut kejuaraan di Karnival Sukan Antara Kolej Kediaman UMS 26-27 September lalu.

Jacklinda merai emas dalam acara merejam lembing dan lempar cakera daripada keseluruhan 18 kutipan pingat UMSKAL melibatkan dua emas, lima perak dan 11 gangsa.

"Kita berterima kasih kepada pengurusan pihak Kolej Kediaman UMSKAL di atas sokongan moral dan material sehingga memungkinkan kontinjen ini menyempurnakan siri latihan dan bersaing dengan penuh semangat sepanjang kejohanan," kata Saradli Hj Arsat, ketua kontinjen UMSKAL.

Turut mengiringi kontinjen



ATLET UMSKAL merai kegembiraan.

UMSKAL ialah Awgku Azanul Azhar Pg Arhas, Jasri Japar dan Faizal Johari.

Kejohanan itu dianjurkan Pusat Sukan UMS dan berlangsung di Kompleks Sukan UMS Kota Kinabalu.

Turut bersaing dalam kejohanan itu ialah Kolej Tun Fuad (johan), Kolej Tun Mustapha (naib johan), Kolej E (ketiga), Kolej Sri Angkasa (kelima), Kolej KF dan NR, FPL, Kolej

Usia 1B dan Kolej Lestari.

Turut menyumbang pingat UMSKAL ialah Naresh Chandran yang memperoleh perak dalam acara balapan 800m, gangsa bagi 5000m dan 1500m.

Ermawati Mohd Sabri Jantan (perak lompat kijang dan lompat jauh), manakala Muhammad Fahmie Abdullah merai gangsa 400m lari berpagar dan 200m.



ACARA balapan jarak jauh wanita.



MEMULAKAN larian berganti-ganti.

Sementara Norlelah Rosli memenangi gangsa dalam acara 200m, Muhammad Nurul Syafiq Md Taib (gangsa - lempar cakera), Muhammad Hafizi Kasim (lontar peluru - perak), Siti Khadijah Abd Mubarak (gangsa lompat kijang dan lompat jauh), Norlelah Rosli memperoleh gangsa dalam acara 100m dan Jecrya Malujim (gangsa 800m dan 400m).

Acara 4 x 400 meter wanita turut menampilkan saingan sengit UMSKAL dengan memperoleh perak dalam kombinasi larian Aiza Fazira Ramli, Siti Khadijah Abd Mubarak, Jecrya Malujim dan Nur Najlaa Nadhira Abd Aziz.

Demikian juga dalam acara 4 x 100 meter wanita di mana

UMSKAL memperoleh gangsa melalui pelari Nur Najlaa Nadhira Abd Aziz, Elza Fazriena Bokhari, Norlelah Rosli dan Ermawati Mohd Sabri Jantan.

Kejohanan itu diadakan bertujuan sebagai landasan mengenal pasti bakat-bakat di kalangan pelajar kolej kediaman yang boleh diketengahkan untuk mewakili kontinjen UMS ke kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dan kejohanan-kejohanan lain.

Turut menyaksikan kejohanan itu ialah Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah.



KONTINJEN UMSKAL bersama Ismail (kanan) dan Asyraf (kiri).